

**GARIS PANDUAN DANA KERAJAAN NEGERI JOHOR UNTUK PROJEK KOMUNITI
TAHUN 2017**

| PERKARA | KETERANGAN |
|--------------------------|--|
| OBJEKTIF | <ol style="list-style-type: none"> 1. Menghasilkan projek-projek berimpak selari dengan Pelan Pertumbuhan Strategik Negeri Johor (PPSJ) dan berdasarkan keperluan dalam Bajet Johor 2017 2. Mewujudkan projek berdasarkan keperluan semasa pembangunan sosio-ekonomi daerah-daerah di negeri Johor. 3. Menghasilkan projek yang dapat membantu meningkatkan tahap sosio-ekonomi masyarakat sekitar negeri Johor. 4. Menghasilkan projek yang memberi impak kepada komuniti, berkolaborasi dengan industri dan mempunyai nilai komersil 5. Membantu pembangunan Negeri Johor menerusi <i>Social Return on Investment (SROI)</i>. |
| SYARAT KHUSUS | <ol style="list-style-type: none"> 1. Melibatkan kerjasama dengan rakan sinergi berikut: <ol style="list-style-type: none"> a. Komuniti b. Industri c. IPT di sekitar negeri Johor d. Agensi kerajaan negeri Johor 2. Setiap projek perlu mempunyai sekurang-kurangnya 3 <i>Key Performance Indicator (KPI)</i> yang di persetujui bersama oleh Kerajaan Negeri/agensi kerjasama. |
| SYARAT PERMOHONAN | <ol style="list-style-type: none"> 1. Permohonan adalah terbuka kepada projek-projek yang sedia ada atau projek-projek yang sedang berjalan dan baru 2. Program perlu melibatkan sekurang-kurangnya SATU (1) agensi kerajaan negeri Johor 3. Penglibatan rakan sinergi komuniti, industri atau IPT di Johor adalah sangat digalakkan. 4. Program mestilah menyumbang kepada peningkatan sosio- |

| | |
|------------------------------------|--|
| | <p>ekonomi komuniti negeri Johor.</p> <p>5. Setiap projek perlu mematuhi Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dilaksanakan dengan empat prinsip utama iaitu:</p> <p>I. HIGH IMPACT (BERIMPAK TINGGI) Program/Projek yang dicadangkan memberi kesan/keberhasilan yang tinggi kepada kumpulan sasaran.</p> <p>II. LOW COST (KOS RENDAH) Kos untuk melaksanakan projek/program adalah lebih rendah berbanding dengan penggunaan kaedah konvensional/tradisional yang lazim diamalkan.</p> <p>III. RAPID EXECUTION (PELAKSANAAN PANTAS) Projek/Program boleh dilaksanakan dengan kadar segera dan impak daripada projek/program boleh dicapai dengan pantas</p> <p>IV. SUSTAINABLE (MAPAN) Projek/Program mampu dilaksanakan secara berterusan oleh kumpulan sasaran</p> |
| <p>KELAYAKAN PERMOHONAN</p> | <ol style="list-style-type: none"> 1. Ketua Program adalah staf akademik tetap UTM warganegara Malaysia. 2. Ketua projek hanya boleh menerajui satu program kerajaan negeri pada satu-satu masa sahaja 3. Staf luar UTM hanya boleh menjadi ahli projek (sekiranya ada) |
| <p>BENTUK PROGRAM</p> | <ol style="list-style-type: none"> 1. Setiap Program terbahagi kepada 2 projek <ol style="list-style-type: none"> a. Projek Penyelidikan yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri b. Projek Pemindahan Ilmu (PPI) atau Pemindahan Teknologi (PPT) yang dibiayai oleh rakan sinergi, jabatan-jabatan atau agensi-agensi kerajaan negeri Johor |

| | |
|--------------------------|---|
| | <ol style="list-style-type: none"> 2. Pembiayaan Projek PPI atau PPT oleh rakan sinergi atau agensi kerajaan negeri boleh samaada dalam bentuk tunai atau in-kind 3. Setiap projek yang berjaya perlu menyediakan pelaporan setiap 2 bulan dari tarikh mula projek. |
| TEMPOH | <p>6-9 bulan</p> <p>Setiap projek dibenarkan memohon perlanjutan tempoh sehingga maksimum 3 bulan.</p> |
| AMAUN | <ol style="list-style-type: none"> 1. Jumlah maksima peruntukan yang boleh diluluskan untuk setiap proposal CBPR adalah tidak melebihi RM 50,000.00. 2. Peruntukan tahun pertama akan disalurkan bersama surat tawaran. 3. Peruntukan seterusnya akan disalurkan mengikut kadar kemajuan projek dan peratus perbelanjaan. 4. Perbelanjaan adalah mengikut capping dalam v-siri. 5. Bayaran GST akan dikenakan bagi projek yang berjaya dan ketua projek perlu memasukkan kos bayaran GST di dalam kertas kerja |
| LOKASI | Program hanya boleh dijalankan di negeri Johor sahaja. |
| OUTPUT | <p>Setiap program perlu menghasilkan:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Satu Penerbitan Bab Buku atau Jurnal berindek 2. 3 minit klip video yang menerangkan tentang impak program kepada komuniti 3. Minimum 3 star Impact rating untuk Projek Komuniti 4. Satu Laporan analisis SROI (Social Return on Investment) |
| PROSES PERMOHONAN | <ol style="list-style-type: none"> 1. Setiap permohonan perlu mengisi borang kertas kerja yang disediakan. 2. Kertas kerja permohonan perlu disediakan dalam BAHASA MELAYU 3. Permohonan boleh dikemukakan kepada Sekretariat IISJ |

| | |
|----------------------------------|---|
| | <p>(iisj@utm.my) atau ke Pejabat CCIN UTM sebelum 15 Januari 2017</p> <ol style="list-style-type: none"> 4. Kelulusan projek tertakluk kepada keputusan daripada kerajaan negeri Johor 5. Bagi permohonan yang telah berjaya perlu mendaftar di dalam sistem RADIS |
| <p>PENILAIAN PROPOSAL</p> | <ol style="list-style-type: none"> 1. Proses permohonan akan disemak oleh Sekretariat IISJ dan penilaian projek akan dibuat oleh Kerajaan Negeri 2. Bagi projek yang telah disenarai pendek, satu sesi pembentangan akan diadakan bagi membentangkan proposal masing-masing kepada pihak Kerajaan Negeri 3. Segala keputusan tertakluk kepada keperluan dan fokus pembangunan ekonomi dan komuniti di Johor yang dibuat diperingkat Kerajaan Negeri Johor dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. 4. Senarai pendek dan tawaran projek akan dimaklumkan oleh Kerajaan Negeri kepada Sekretariat IISJ |

Untuk maklumat lanjut, boleh berhubung dengan pejabat CCIN ditalian 07-5537556 atau emailkan ke nurnaha@utm.my atau siti_nurhafizah@utm.my. Semua maklumat boleh didapati di website ccin: www.ccin.utm.my